

DATE: 4 / 11 / 2007

"Mana boleh mereka ketinggalan... berdosa saya"

APABILA Datuk Seri merangka dasar dan rancangan pembangunan misalnya pelaksanaan koridor pembangunan di selatan, utara, pantai timur serta Sabah dan Sarawak, ia dirancang dengan hasrat untuk menguntungkan rakyat terutama orang Melayu. Apakah sudut-sudut yang orang Melayu tidak nampak dalam perancangan Datuk Seri itu?

ABDULLAH: Ya, inilah yang berlaku di mana-mana. Sesetengah orang Melayu tidak nampak. Hakikatnya, koridor pembangunan dijalankan untuk mengimbangi pembangunan di seluruh negara. Maknanya kerajaan tidak mahu ada kawasan atau negeri yang ketinggalan terutama dalam kita menuju ke arah mencapai Wawasan 2020. Jadi, jika kita bangunkan kawasan-kawasan berkenaan, penduduk di kawasan tersebut yang majoritinya Melayu akan turut ditingkatkan. Secara tidak langsung, pembangunan ini sesuai dengan agenda Melayu. Walaupun ia bukan secara eksklusif untuk orang Melayu, yang bukan Melayu pun ada peluang.

Apakah manfaat projek-projek itu kepada rakyat jelata?

ABDULLAH: Projek-projek itu untuk semua rakyat. Manfaatnya akan memperluaskan lagi peluang memperoleh pendapatan tambahan, pendapatan baru.

Tetapi kepada orang Melayu, kalau mereka tidak nampak apa yang memberi faedah kepada mereka

secara langsung, mereka tidak dapat terima sesuatu yang baru. Mereka tidak fikir mengenai tempoh 20 atau 30 tahun akan datang. Mereka mungkin tidak fikir tentang masa depan anak dan cucu mereka. Apakah pandangan Datuk Seri?

ABDULLAH: Kita perlu lihat masa depan. Namun, secara umumnya manfaat daripada projek-projek itu ialah kita hendak beri peluang kepada perkembangan modal insan dan ilmu pengetahuan. Sekarang, pendidikan yang disediakan oleh kerajaan adalah percuma. Kalau miskin, jangan kata tidak boleh hantar anak ke sekolah sebab kerajaan sekarang tidak minta apa-apa yuran daripada rakyat. Duit untuk beli uniform kita beri, duit makan pun kita beri. Walaupun mendapat kemudahan itu, mereka tidak sedar bahawa kerajaan memberi manfaat langsung kepada mereka.

Dari segi pembangunan koridor, kita akan perbanyakkan lagi projek-projek yang akan memberi peluang pekerjaan, kita akan memberi galakan bagi menggalakkan pertumbuhan di kawasan-kawasan itu seperti industri-industri asas tani yang lebih mudah bagi orang Melayu terlibat. Kita hendak perkasakan bidang pertanian yang bukan akan mendatangkan suatu kerugian kepada mereka sebaliknya memberikan tambahan pendapatan atau kekayaan baru.

Di kawasan-kawasan itu dulu, bila sebut industri, semua orang tidak hendak terlibat tetapi sekarang kita berurusan secara terus untuk menubuhkan industri di

Umm - 4/11/2007
kawasan-kawasan itu. Kita wujudkan satu pembangunan yang menyeluruh dan kawasan itu bukan hanya menjadi tempat untuk menanam padi saja. Seperti yang saya sebut tadi, pembangunan koridor itu akan menyeimbangkan perbezaan antara wilayah iaitu wilayah pantai barat, pantai timur, utara, selatan serta Sabah dan Sarawak.

Dengan melaksanakan pembangunan koridor itu, kita akan memfokuskan pertumbuhan ekonomi berdasarkan projek yang diwujudkan di situ dan ini secara tidak langsung akan membangunkan modal insan di kawasan berkenaan.

Apakah kesan pembangunan koridor itu dalam jangka panjang?

ABDULLAH: Saya fikir ia akan menjadi kawasan-kawasan pertumbuhan baru yang lebih berdaya maju. Orang yang tinggal di kawasan-kawasan itu akan menjadi pemenang.

Adakah apa yang Datuk Seri laksanakan itu satu jaminan untuk memastikan *survival* orang Melayu dalam ekonomi akan berterusan dan mereka tidak ketinggalan dalam pelaksanaan sesuatu projek?

ABDULLAH: Memang pun. Dalam projek-projek itu orang Melayu mempunyai peluang untuk buat sesuatu yang lebih baik. Pendekatan kita ialah mahu menjadikan industri padi, misalnya, sesuatu yang dapat memberi

pulangan yang baik. Saya tidak mahu wujud situasi kalau orang Melayu jadi penanam padi, sampai bila-bila pun mereka bekerja menanam padi. Ahli ekonomi biasanya kaitkan penanaman padi dengan kemiskinan, dan penanam padi tidak dapat hidup senang melainkan diberi subsidi.

Jadi, kerajaan memberi jaminan bahawa orang Melayu di kawasan-kawasan pembangunan itu tidak akan ketinggalan?

ABDULLAH: Mana boleh mereka ketinggalan... berdosa saya.

Dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan kerajaan itu, kebimbangan banyak pihak ialah kemungkinan manfaat daripada rancangan pembangunan kerajaan tidak sampai ke bawah, tidak dirasai oleh orang ramai. Bagaimanakah manfaat daripada projek-projek itu dapat dipastikan sampai kepada rakyat?

ABDULLAH: Kita perlu bekerja lebih keras lagi, berusaha lebih gigih. Lebih banyak tindakan kena dibuat. Dalam semua projek itu, kita mesti ada teras pelaksanaan yang melibatkan sektor pertanian, pengangkutan, pelancongan dan macam-macam lagi. Di bawah program pembangunan koridor, semua inisiatif itu digerakkan oleh profesional dan kebanyakan mereka adalah profesional daripada GLC.